

Diplomat: 'Kuasa lembut' cara UAE ketengah pengaruh di pentas dunia

► CHAIRUL FAHMY HUSSAINI
chairul@sph.com.sg

TERDAPAT kebersamaan antara usaha Amiriah Arab Bersatu (UAE) dengan Singapura dalam menonjolkan negara masing-masing di pentas dunia – menerusi ‘kuasa lembut’ atau dalam istilah perhubungan antarabangsa ‘soft power’.

Sedang UAE menampilkan syarikat penerbangan Emirates, Singapura pula menerusi Singapore Airlines.

Memberikan contoh bagaimana UAE mula dikenali di seluruh pelosok dunia, Penolong Menteri bagi Ehwal Kebudayaan Amiriah Arab Bersatu (UAE), Encik Omar Saif Ghobash, 50 tahun, yang ditampilkkan sebagai penceramah undangan bagi Kuliah Unggul S R Nathan secara maya anjuran Institut Timur Tengah (MEI), Universiti Nasional Singapura (NUS) pada 27 Oktober lalu, menceritakan bagaimana syarikat penerbangan Emirates bermula dengan hanya satu pesawat sahaja tetapi kini merupakan di antara syarikat penerbangan utama dunia.

‘Kuasa lembut adalah satu hal menarik, ia adalah sesuatu yang anda sebenarnya boleh kawal, menguruskannya dengan pelbagai aktiviti lain yang ada ketika itu.

“Saya merasakan kuasa lembut ini bukan suatu fungsi tentang bagaimana anda mengendalikannya dalam sesuatu negara.

“Jadi bila saya lihat Emirates Airline, kami memulakannya dengan satu pesawat sahaja, dengan tujuan menghubungkan Dubai ke bahagian lain di dunia. Ia kini berubah menjadi satu operasi yang cukup besar menghubungkan ratusan kota (dari seluruh dunia) ke Dubai, dan ini menawarkannya kuasa lembut. Saya tak fikir sesiapa pun menjangkakannya ia boleh berlaku, dalam mempromosi Dubai sebagai tempat persinggahan atau untuk dilawati, dan syarikat penerbangan ini adalah satu sumber yang sangat besar dalam ‘kuasa lembut’, katanya yang menerangkan kedudukan UAE dalam persaingan ekonomi dunia dan kuasa serta pengaruhnya di Timur Tengah.

Syarikat penerbangan Emirates yang berpangkalan di Garhoud, Dubai, diasaskan pada Mac 1985 dan merupakan anak syarikat The Emirates Group, yang dimiliki syarikat pelaburan kerajaan Dubai, Investment Corporation of Dubai.

Pengarah Eksekutif MEI, Cik Michelle Teo, pula menyatakan bahawa Singapore Airlines pula membawa kebanggaan kepada Singapura.

“Ini juga adalah kuasa lembut dan memberi kebanggaan dalam menyatakan siapa kita. Kita adalah rakyat Singapura dan syarikat penerbangan itu adalah satu yang dikenal pasti,” ujarnya.

Menurut Encik Omar yang merupakan seorang diplomat itu, usahanya kini adalah untuk “cuba menghubungkan dasar luar UAE kepada perubahan dasar dalam negara.

“Sebelum ini tumpuan kita lebih kepada geopolitik dan ideologi – di mana kita merangkul pengganasan dan ideologi yang membawa kepada peningkatan terorisme dan ekstremisme.



SOROTAN DUNIA: Sebagai menonjolkan kedudukannya di Timur Tengah, UAE menjadi tuan rumah ekspo dunia dikenali sebagai Expo 2020 Dubai yang kini berlangsung dari 1 Oktober hingga 31 Mac 2022. – Foto EPA-EFE

“Kuasa lembut adalah satu hal menarik, ia adalah sesuatu yang anda sebenarnya boleh kawal, menguruskannya dengan pelbagai aktiviti lain yang ada ketika itu. Saya merasakan kuasa lembut ini bukan suatu fungsi tentang bagaimana anda mengendalikannya dalam sesuatu negara. Jadi bila saya lihat Emirates Airline, kami memulakannya dengan satu pesawat sahaja, dengan tujuan menghubungkan Dubai ke bahagian lain di dunia. Ia kini berubah menjadi satu operasi yang cukup besar menghubungkan ratusan kota (dari seluruh dunia) ke Dubai, dan ini menawarkannya kuasa lembut.”

– Penolong Menteri bagi Ehwal Kebudayaan Amiriah Arab Bersatu (UAE), Encik Omar Saif Ghobash.

“Hari ini kita telah melangkah dari memberi tumpuan kepada geopolitik kepada pembangunan ekonomi kita dan kedudukan kita di kalangan negara-negara lain.

“Kerajaan kami telah menggerakkan sumber birokrasi ke arah sains, teknologi, perindustrian, sfera digital, perubahan iklim dan keselamatan makanan. Kesemua ini adalah permasalahan yang memerlukan kerjasama dan penyelaras antarabangsa,” ujarnya.

Menurut Encik Omar yang merupakan seorang diplomat itu, usahanya kini adalah untuk “cuba menghubungkan dasar luar UAE kepada perubahan dasar dalam negara.

“Sebelum ini tumpuan kita lebih kepada geopolitik dan ideologi – di mana kita merangkul pengganasan dan ideologi yang membawa kepada peningkatan terorisme dan ekstremisme.

Bersesuaian dengan keadaan pandemik hari ini, ekspo ini bertemakan “Menghubungkan Minda dan Mewujudkan Masa Depan” (*Connecting Minds and Creating the Future*) yang diharap dapat memberi dorongan kepada orang ramai menerusi pelbagai tema iringan, menyentuh soal kemampuan, daya gerak dan peluang.

Menurut Encik Omar, pandemik Covid-19 sebenarnya telah membuat UAE menemui beberapa kekuatan.

Kekuatan ini termasuk sebuah ekonomi yang berdaya tahan, kemahiran dalam pengurusan krisis dan kecemasan, logistik dan kecermerlangan dalam penyumberan.

Dari segi perubahan dasar luar, kerajaan

UAE katanya cuba meredakan hubungan yang membawa ketegangan – bersetuju untuk tidak bersetuju tetapi tidak membentarkan hubungan keseluruhan terjejas.

Menyentuh tentang soal ekonomi Dunia Islam, Encik Omar berkata pasaran halal dan tuntutan perbankan Islam sangat meluas sekarang.

“Saya percaya pada lewat 1990-an terdapat minat yang mendalam dalam membanunkan produk kewangan Islam yang matuhi aturan syariah.

“Daripada menimbulkan pecah belah dengan hanya menyatakan ‘kami tidak membentarkan’ dan meneruskan dengan sistem perbankan biasa, produk biasa, tetapi

BIODATA



- Penolong Menteri bagi Ehwal Kebudayaan Amiriah Arab Bersatu (UAE), Encik Omar Saif Ghobash, 50 tahun, merupakan seorang penulis, ahli perniagaan dan diplomat.
- Sebelum ini beliau berkhidmat sebagai Duta Besar UAE ke Perancis, antara 2017 dengan 2018.
- Beliau sebelum itu merupakan Duta Besar UAE ke Russia, dari 2008 hingga 2017.
- Selain tugasnya dalam bidang diplomatik, Encik Omar menaja Hadiah Saif Ghobash Banipal bagi Terjemahan Kesusastraan Arab dan merupakan pengamandan perintis bagi Hadiah Antarabangsa bagi Fiksi Arab, dengan kerjasama Hadiah Man Booker, London.
- Selain itu, Encik Omar juga merupakan ahli lembaga pengamandan Akademi Diplomatik Anwar Gargash di Abu Dhabi.
- Dalam bidang akademik, Encik Omar mengikuti pengajian di Universiti Oxford dan Matematik di Universiti London.

sebahagian daripada kerajaan kami melihatnya sebagai satu peluang ekonomi baru dan menyediakan fungsi khusus, dan kami merasakan ia sebagai industri yang membangun, dan kami percaya kepada pasaran halal pensijilan halal dan pematuhan syariah bagi produk kewangan.

“Tetapi apa yang saya rasa pelik ialah, melihat kepada adanya lebih 50 negara Islam, mengapa London menjadi pusat industri kewangan Islam? Ia seakan tidak adil. Apa yang telah kita lakukan selama ini?” soalnya.

Ditanya pula tentang bagaimana UAE melihat kepada perebutan kuasa dan pengaruh antara dua kuasa besar Amerika Syarikat dan China dan kedudukan Iran dalam konteks geopolitik Timur Tengah, Encik Omar berkata kerajaannya sangat peka tentang perang dingin Amerika-China.

“Kami cuba mengimbanginya. Kami cuba melihatnya secara objektif. Seperti yang diketahui kami lebih terlibat secara mendalam dengan Amerika berbanding negara-negara lain.

“Sukar untuk melihat perubahan berlaku dalam beberapa dekad mendatang, dari segi pelaburan, sistem perbankan, sistem komputer, kesemuanya terkait begitu mendalam dengan Amerika. Tetapi kami, Emirati, juga ada yang bercakap Mandarin, tetapi lebih ramai yang bercakap dalam bahasa Inggeris Amerika,” katanya terus terang.